



**SASBADI HOLDINGS BERHAD**

(1022660-T)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,

Taman Sains Selangor 1,

Kota Damansara,

47810 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 6145 1188

Fax: +603 6145 1199

Website: [www.sasbadiholdings.com](http://www.sasbadiholdings.com)

Email: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)

UNTUK PENYIARAN SERTA-MERTA

## PELAJAR MALAYSIA BERSAING UNTUK MEWAKILI MALAYSIA DI *WORLD ROBOT OLYMPIAD* 2019 DI HUNGARY

**ALOR SETAR, KEDAH, 23 September 2019** – Perkataan “robot” berasal daripada perkataan Czech “robota” yang bermaksud “buruh paksa” atau “buruh”. Kini, perkataan “robot” digunakan untuk mendefinisikan mana-mana mesin buatan manusia yang boleh melakukan tindakan secara automatik yang biasanya dilakukan oleh manusia. Berbalik kepada dunia hari ini, penggunaan robot telah diperluaskan kepada bidang perubatan, penerokaan angkasa lepas, pendidikan dan banyak lagi.

Tahun ini menandakan ulang tahun ke-15 untuk Pertandingan Robotik Kebangsaan atau lebih dikenal sebagai *National Robotics Competition* (NRC), satu platform pembelajaran berasaskan pengalaman secara *hands-on* yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Sasbadi Holdings sejak 2005 untuk memupuk minat para pelajar dalam bidang robotik dan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). **Selepas pertandingan peringkat negeri di 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan dari Julai hingga awal September, sebanyak 300 pasukan yang memenangi acara yang dipertandingkan telah membawa cabaran ke pertandingan peringkat kebangsaan dari 21 hingga 23 September di Stadium Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah.**

Tema tahun ini, **Smart Cities**, mencabar para pelajar untuk memahami peranan yang dimainkan Internet Benda atau *Internet of Things* dalam operasi bandar pintar. Dengan pemahaman konsep tentang kebolehan alat-alat peranti bandar-bandar berhubung antara satu dengan yang lain dan menukar data, para pelajar dicabar untuk menggunakan pemikiran kritis, kreativiti dan kemahiran penyelesaian masalah untuk mencipta solusi robotik bagi menambah baik usaha penjimatan tenaga, kelancaran trafik dan sistem pengangkutan dalam bandar pintar.



Majlis penutupan pertandingan ini dirasmikan oleh **Yang Berhormat Dato' Ir. Zamri bin Yusof, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Pengerusi Tenaga, Kerja Raya, Bekalan dan Sumber Air** mewakili **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Negeri Kedah**. Beliau berkata, "*Seperti yang dinyatakan dalam Amanat Menteri Pendidikan 2019 pada awal tahun ini, kita tidak harus melihat Sains sebagai satu subjek semata-mata untuk lulus dalam peperiksaan, tetapi kita perlu memperkenalkan dan mempopularkan Sains sebagai cara hidup. Oleh itu, janganlah kita melihat NRC sebagai satu pertandingan robotik eksklusif untuk pelajar aliran Sains sahaja, tetapi kita harus melihatnya sebagai satu platform yang membolehkan semua pelajar memperoleh kemahiran-kemahiran penting yang diperlukan dalam abad ke-21 ini secara hands-on dan menyeronokkan.*"

Turut bersetuju dengan kata-kata beliau ialah **Pengarah Urusan Kumpulan Sasbadi Holdings Berhad, Encik Law King Hui**. Kata beliau, "*Dengan pembangunan automasi yang dibawakan oleh Revolusi Industri 4.0, kemahiran insaniah akan menjadi lebih penting. Menurut laporan Future of Jobs Report 2018 oleh Forum Ekonomi Dunia, nilai kemahiran insaniah seperti kreativiti, keaslian, pemikiran kritis dan skil rundingan akan meningkat dari semasa ke semasa. Hal ini termasuk kemahiran seperti daya kebingkasan, fleksibiliti, dan penyelesaian masalah. Keperluan kecerdasan emosi, kemahiran kepimpinan, pengaruh sosial dan orientasi perkhidmatan dijangka akan meningkat dalam tiga tahun ini. Saya yakin bahawa bahawa platform NRC dapat memupuk kemahiran yang penting untuk melahirkan tenaga kerja yang relevan dengan kehendak semasa.*"

Setiap pasukan bertanding dalam satu daripada enam kategori: *Regular Pro, Regular Rookie* (pasukan yang menyertai NRC untuk pertama kali), *Open, WeDo Regular, NRC Football* atau *STEM Invention & Innovation*. Dalam kategori *Regular Pro* dan *Rookie*, pelajar sekolah rendah (berusia 7 hingga 12 tahun) dicabar untuk mereka cipta dan memprogram sebuah teks pandu sendiri; pelajar sekolah menengah rendah (berusia 13 hingga 15 tahun) pula berhadapan dengan cabaran berkaitan pencahayaan pintar. Bagi pelajar sekolah menengah atas (berusia 16 hingga 19 tahun), mereka perlu mereka cipta dan memprogram sebuah robot untuk memasang peranti nod wayarles. Setiap pasukan dinilai dari segi pratikal dan kreativiti mereka dalam penggunaan teknologi LEGO® MINDSTORMS® di atas litar permainan.

Dalam kategori *Open* (terbuka kepada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah atas), pasukan diminta untuk membentangkan solusi robotik dalam aspek-aspek pentadbiran, tempat kerja dan pendidikan kepada para hakim.



Dianjurkan oleh:  
MINISTRY OF EDUCATION  
MALAYSIA



Dikelolakan oleh:  
KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah



Disokong oleh:



Dikuasakan oleh:

Kategori baharu *WeDo Regular* yang diperkenalkan pada tahun lepas mencabar pelajar berusia 7 hingga 9 tahun untuk memprogram perjalanan bas sekolah pandu sendiri dengan menggunakan LEGO® Education WeDo 2.0. Kategori NRC Football pula menyediakan cabaran bola sepak robotik yang memerlukan pasukan-pasukan yang terlibat memprogram 2 buah robot (1 penjaga gol dan 1 penyerang) untuk bertanding antara satu dengan yang lain. Akhirnya, pelajar berusia 10 hingga 14 tahun dalam kategori STEM *Invention & Innovation* mempamerkan kehebatan masing-masing dalam mereka cipta sebuah mesin bermotor untuk memanjat sebuah tiang bagi memungut bola di atasnya.

Pertandingan tahun ini turut menyaksikan sebanyak 1,000 peserta yang bersaing untuk mendapatkan hadiah baucar tunai bagi set robotik LEGO® Education berjumlah RM104,000. Pasukan pemenang akan mewakili Malaysia ke *16th World Robot Olympiad 2019* yang akan diadakan di Győr, Hungary pada 8 hingga 10 November 2019. Di sana, kontinjen negara akan bersaing dengan pasukan-pasukan dari lebih 60 negara. Untuk maklumat lanjut tentang pertandingan ini, sila layari <http://nrc.sasbadi.com>.



## TENTANG PENGANJUR – SASBADI HOLDINGS BERHAD

Sasbadi Holdings Berhad ialah sebuah syarikat penyedia solusi pendidikan yang telah tersenarai di Bursa Saham Malaysia sejak tahun 2014. Ditubuhkan pada tahun 1985, syarikat ini telah berkembang daripada penerbit buku dan bahan pendidikan yang berkualiti kepada penyedia solusi pendidikan terkemuka dengan menawarkan pelbagai produk melalui pelbagai medium. Produk-produk tersebut termasuklah bahan pendidikan akademik dan bukan akademik, produk digital yang berteknologi tinggi, alat pembelajaran dan produk perniagaan rangkaian pemasaran berbilang aras.

Kumpulan Sasbadi Holdings menjalankan operasi berdasarkan lima teras, iaitu Membangunkan Kandungan, Membangunkan Teknologi, Mengasah Kemahiran, Memperkayakan Kehidupan dan Membina Rangkaian. Menyedari kepentingan pembelajaran abad ke-21, Sasbadi telah menjuarai pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui program robotik untuk para pelajar dengan kerjasama dengan rakan-rakan strategi utama seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan LEGO Education. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.sasbadiholdings.com/>

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

**Joanne Tay**  
**Group Marketing & Communication Manager**  
**Sasbadi Holdings Berhad**  
Tel: 03-61451022 / 016-2101220  
E-mel: [joannetay@sasbadi.com](mailto:joannetay@sasbadi.com)

**Jason Kok**  
**Marketing & Communication Executive**  
**Sasbadi Holdings Berhad**  
Tel: 03-61451019 / 012-2115862  
E-mel: [jasonkok@sasbadi.com](mailto:jasonkok@sasbadi.com)